



Utama Sohor Kini eMajalah Ujana TV Radio Peka Bahasa



Ts. Dr. Izwah Ismail membawa pulang wang tunai RM2000 berserta trofi.

Tokoh Akademik Bahasa Melayu Sektor Teknikal 2022, Ts. Dr. Izwah Ismail yang merupakan Timbalan Pengaruh Akademik, Politeknik Ungku Omar yang turut terlibat dalam beberapa projek inovasi dan kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pula berpandangan bahawa generasi kini kurang membaca buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) selain daripada buku teks. Menyingskap pengalaman beliau sendiri, Ts. Dr. Izwah Ismail yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik menyatakan bahawa beliau membesar dengan buku-buku terbitan DBP yang menggunakan laras bahasa dan tatabahasa yang betul dan dari situah beliau belajar menghasilkan penulisan yang bagus hasil daripada pembacaan. Oleh itu, beliau menzhahirkan harapan agar penekanan kepada budaya membaca dapat dimulakan sejak dari kecil. Dewan Pelajar dan Dewan Siswo antara contoh sumber bacaan yang berkualiti yang boleh digunakan oleh para pelajar untuk membina penguasaan bahasa Melayu. Ujar beliau lagi:



"Penggunaan bahasa Melayu perlu diberikan penekanan sejak dari sekolah rendah dan sekolah menengah lagi. Melalui usaha itu, pelajar bukan sahaja boleh bertutur dalam bahasa Melayu malah berupaya menghasilkan penulisan ilmiah yang bagus dalam bahasa tersebut supaya segala perkara yang kita lakukan dalam bidang teknologi atau teknikal boleh dibukukan dan ditinggalkan untuk generasi seterusnya sebagai rujukan. Apabila kita dapat menghasilkan penulisan yang bagus, kita boleh menterjemahkan buku atau teknologi dari luar negara kepada bahasa Melayu supaya ilmu itu sampai kepada segenap masyarakat dan bukan sahaja kepada golongan tertentu."

